

Tunku Besar Seri Menanti, adik sertai ekspedisi

AMIRUL NUBLI WAN AHMAD | BERITA HARIAN


SERI MENANTI: Anakanda Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Tuanku Muhriz dan adiknya, Tunku Zain Al-'Abidin, berjalan kaki meredah hutan sejauh kira-kira dua kilometer untuk melawat tapak bersejarah Bukit Tunggal, Jumbang di sini, Khamis lalu.

Mereka berdua yang berpakaian ringkas dengan but kulit paras betis mendaki bukit setinggi 262 meter dari aras laut selama hampir sejam sebelum tiba ke Jeram Jumbang yang dikatakan pernah menjadi persinggahan Raja Melewar ketika datang ke sini, hampir tiga abad lalu.

Ekspedisi itu turut disertai kira-kira 30 pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan, Tourism Malaysia dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan (LMNS), selain polis dan bomba.

Ketua Ekspedisi, Dr Pauzi Abdul Latiff, yang juga Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia (UPM), yang bertanggungjawab menemui tapak itu pada 2009, berkata lawatan mereka berdua memberi harapan lokasi itu dijadikan tapak warisan bersejarah negeri ini.

"Tunku Ali Redhauddin tertarik dengan penemuan ini ketika melihat pameran fotografi pelajar UPM di Istana Lama Seri Menanti sempena Hari Keputeraan Tuanku Muhriz Tuanku Munawir ke-64, Januari lalu dan menyuarakan



TUNKU Ali Redhauddin (dua dari kanan) mendengar penerangan daripada Dr Pauzi (kanan) ketika melawat Bukit Tunggal, Khamis lalu.

hasrat untuk melawat.

"Hari ini (semalam) kita gembira kerana hasratnya dapat ditunaikan dan selepas melihat peninggalan sejarah itu, beliau mahukan ia dipelihara sebagai tapak warisan, pelancongan dan rekreasi," katanya pada sidang media di sini.

Turut mengikuti ekspedisi itu, Pengarah LMNS, Shamsudin Ahmad.

Pada 1 Ogos tahun lalu, akhbar

melaporkan penemuan tapak penempatan purba itu yang dipercayai antara paling lengkap di negeri ini, dengan antara artifak ditemui termasuk bekas tapak kaki manusia dan batu giling pada batu.

Berbeza dengan artifak sedia ada yang agak terhad di negeri ini seperti batu megalith, penempatan ini lengkap dengan pelbagai artifak dibuat menggunakan batu sungai

di situ.

Selain itu, antara artifak menunjukkan kewujudan penempatan di situ, termasuk batu hampar yang unik kerana mempunyai dua batu kecil di bawah sebagai alas supaya rata.

Sementara itu, Shamsudin berkata, kajian lanjut akan dilakukan pihaknya untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam mengenai tapak berkenaan.